

SULIT

Nama Kelas



JABATAN PELAJARAN NEGERI MELAKA
DENGAN KERJASAMA
MAJLIS GURU BESAR MELAKA



PEPERIKSAAN PERCUBAAN UPSR 2009

BAHASA MELAYU

011

Kertas 1

Ogos

50 minit

Lima puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian **hitamkan** jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak

Soalan 1 – 19

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang **paling** sesuai.

- 1 “Titah perintah _____ terjunjung di atas batu jemala _____,” sembah Tun Mamat dengan penuh setia kepada Sultan Mahmud.
- A beta... patik
 - B tuanku ... patik
 - C tuanku ... hamba
 - D baginda ... hamba
- 2 Wabak denggi telah menular di _____ buah negeri di Malaysia.
- A seluruh
 - B setengah
 - C beberapa
 - D segelintir

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



Gambar 1

- 3 Puan Jamilah sedang _____ abuk-abuk itu dengan menggunakan daun pisang
- A melipat
 - B melapik
 - C membalut
 - D membungkus

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah



Gambar 2

- 4 Biola itu _____ oleh Pak Dolah untuk menghiburkan tetamu yang menghadiri majlis persaraan Guru Besar sekolah itu.
- A digesek
 - B digesel
 - C dipetik
 - D dipalu
- 5 Tanah _____ di belakang rumah Pak Amin amat sesuai untuk ditanam sayur-sayuran dan buah-buahan.
- A gebu
 - B lembut
 - C lembik
 - D gambut
- 6 Udara di kaki Gunung Ledang itu _____ terutama pada waktu pagi..
- A indah nian
 - B dingin sekali
 - C amat tenang
 - D sungguh damai

- 7 Wau dan gasing adalah _____ permainan tradisional yang sangat digemari oleh penduduk di pantai timur.
- A umpama
 - B seperti
 - C antara
 - D bagi
- 8 Wak Hamid masih bekerja di kebun kelapanya _____ hujan turun pada petang itu.
- A kerana
 - B tatkala
 - C apabila
 - D lantaran
- 9 Murid-murid perlu cukup tidur. _____, badan mereka akan menjadi sihat dan cergas.
- A Selain itu
 - B Tambahan pula
 - C Dengan demikian
 - D Namun demikian
- 10 Hujan yang tidak turun _____ bulan Januari _____ akhir bulan Mac telah menyebabkan musim kemarau.
- A ketika ... hingga
 - B daripada ... hingga
 - C apabila ... sampai
 - D sejak ... kepada
- 11 Azizan sudah tidak _____ buah durian itu lagi.
- A dimakan
 - B termakan
 - C makanan
 - D pemakanan

- 12 Terdapat ramai _____ PLKN sedang menjalani latihan di Kem Warisan itu.
- A pelatih
 - B latihan
 - C melatih
 - D jurulatih
- 13 Seorang lelaki warga emas telah _____ terapung di sungai itu.
- A ditemui
 - B bertemu
 - C menemui
 - D ditemukan
- 14 Ibu meleteri adik kerana _____ bersarapan lagi.
- A belum boleh
 - B masih belum
 - C sudah hendak
 - D belum hendak


Soalan 15 berdasarkan gambar di bawah.



Gambar 3

- 15 Pak Samat memasang _____ di bendang untuk menghalau _____ yang hendak makan padinya.
- A patung-patung ... lelabi
 - B tupai-tupai ... bebiri
 - C pari-pari ... kekura
 - D orang-orang ... beburung

Soalan 16 berdasarkan gambar di bawah.



Gambar 4

- 16 Berikan peribahasa yang paling sesuai bagi gambar di atas.
- A Pucuk dicita ulam mendatang
 - B Sediakan payung sebelum hujan
 - C Di mana ada usaha di situ ada kejayaan
 - D Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa

Soalan 17 berdasarkan gambar di bawah.



Gambar 5

- 17 Aminah meminta _____ daripada neneknya cara-cara membuat kuih bahu.
- A buah fikiran
 - B budi bahasa
 - C tunjuk ajar
 - D budi bicara

- 18 Kakak menggilap se_____ cawan tembaga dengan bahan penggilap yang dibubuh pada se_____ kain buruk.
- A berkas ... keping
 - B butir ... lembar
 - C buah ... helai
 - D biji ... cebis
- 19 Encik Ravi tergesa-gesa meninggalkan pejabatnya apabila mendapat berita tentang ayahnya yang sakit tenat di kampung.
Perkataan berlawanan bagi tergesa-gesa ialah
- A berlengah-lengah
 - B bergopoh -gapah
 - C terburu-buru
 - D cepat-cepat

Soalan 20 – 22

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 20
- I Pisang tanduk yang dibeli oleh ayah itu sudah masak ranum.
 - II Zaiton tanduk adik dengan kepalanya.
 - III Tanduk lembu itu boleh dibuat perhiasan.
 - IV Hamba itu tanduk patuh kepada tuannya.
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C II dan IV sahaja
 - D III dan IV sahaja
- 21
- I Bas itu sarat dengan penumpang.
 - II Puan Nora sedang sarat mengandung.
 - III Nenek masih sarat melakukan tugas-tugas harian.
 - IV Lori yang sarat dengan muatan itu terbabas lalu terbalik.
- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D I, II dan IV sahaja

- 22 I Peninju itu membaham lawannya sehingga pengsan.
II Harimau itu telah membaham seekor kambing dengan rakus sekali.
III Ahli silap mata itu membaham kaca di hadapan penonton.
IV Ombak yang besar membaham perahu nelayan itu sehingga hilang dari pandangan.
- A I dan II
B II dan III
C I, II dan III
D II, III dan IV

Pilih jawapan yang paling sesuai bagi soalan yang diberikan.

- 23 Kamukah yang menelefon saya semalam?
- A Ya, memang saya yang menelefon awak semalam.
B Ya, saya baru hendak menelefon semalam.
C Ya, kamu yang menelefon saya semalam.
D Ya, semalam kamu telah menelefon saya.

Pilih ayat tanya yang betul bagi jawapan yang diberikan.

- 24 Kem Sains itu akan diadakan pada minggu hadapan.
- A Siapakah yang menganjurkan Kem Sains itu?
B Mengapakah Kem Sains itu diadakan?
C Bilakah Kem Sains itu akan diadakan?
D Apakah tujuan Kem Sains diadakan?

Soalan 25 – 26

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberi.

- 25 Larian Obor itu diadakan di Kuala Lumpur sempena Sukan Olimpik Beijing 2008.
- A Sempena Sukan Olimpik Beijing 2008, Larian Obor diadakan di Kuala Lumpur.
B Sempena Larian Obor Kuala Lumpur 2008 Sukan Olimpik diadakan di Beijing.
C Larian Obor diadakan di Beijing sempena Sukan Olimpik Kuala Lumpur 2008
D Sukan Olimpik Beijing 2008 diadakan sempena Larian Obor itu.

- 26 “Latihan perbarisan telah diadakan semalam,” kata Julia kepada Mazlan.
- A Julia memberitahu Mazlan bahawa latihan perbarisan telah diadakan semalam.
 - B Semalam Julia memberitahu Mazlan latihan perbarisan telah diadakan.
 - C Mazlan memberitahu Julia latihan perbarisan telah diadakan semalam.
 - D Julia dan Mazlan telah menyertai latihan perbarisan semalam.

Soalan 27 – 30

Pilih ayat yang betul

- 27
- A Ke manakah mereka menyimpan duit ?
 - B Apakah nama adik kamu yang baru dilahirkan?
 - C Rizal tidak hadir ke kelas tambahan mengapakah?
 - D Yang menjadi juara dalam pertandingan bercerita itu siapa?
- 28
- A Peragawati itu kelihatan anggun ketika memperagakan baju kurung batik.
 - B Semua murid-murid di sekolah itu berasal daripada keluarga nelayan.
 - C Mary membeli dua buah buku cerita ke pameran buku itu.
 - D Abang membeli dua biji jagung bakar di pasar malam itu.
- 29
- I Peserta pidato sekolah saya lebih petah dari sekolah-sekolah lain.
 - II Linda tidak pernah menjejakkan kaki di Pulau Langkawi yang tersohor itu.
 - III Sejak tinggal di asrama, dia sentiasa rindu akan keluarganya di kampung.
 - IV Sekumpulan kanak-kanak sedang bermain di taman permainan itu.
- A I dan IV sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C I, II dan IV sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
- 30
- I Tolong beri perhatian ketika guru sedang mengajar.
 - II Ayam goreng itu memang enak dimakan dengan cili sos.
 - III Perlawanan bola sepak itu akan ditangguhkan jika hari hujan.
 - IV Fatima akan ke Kuala Lumpur menaiki ekspres bas pada petang ini.
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C II dan IV sahaja
 - D III dan IV sahaja

Soalan 31 – 35

Baca petikan, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya

Tarikh	Tempat	Menu	Harga
01- 10 MEI 2009	Restoran Bonda	Nasi dagang, nasi lemak, mi goreng, mi sup, pelbagai jenis sup, roti canai, sandwich, roti bakar	RM 17.50 untuk seorang
11-20 MEI 2009	Restoran Selera Kampung	Nasi putih, ikan asam pedas, ikan bakar, ikan kukus, ayam panggang madu, ayam masak lemak, cili padi, sambal tumis petai, puyuh goreng berlada, kari daging, daging salai	RM 12.50 untuk seorang
21 – 30 MEI 2009	Restoran Senandung Rindu	Nasi ayam madu, pelbagai jenis nasi goreng, pelbagai jenis roti	RM 10.50 untuk seorang

MAKANLAH SEHINGGA KENYANG..... SELAGI TERMAMPU...
Separuh harga bagi kanak-kanak bawah 12 tahun.

- 31 Ali suka makan sambal tumis petai. Ke restoran mana harus dia pergi?
- A Restoran Bonda
 - B Restoran Selera Kampung
 - C Restoran Senandung Rindu
 - D Semua restoran
- 32 Restoran Selera Kampung menyediakan makanan berikut **kecuali**
- A ikan bakar
 - B mi goreng
 - C daging salai
 - D puyuh goreng berlada
- 33 Adik dan abang kamu ingin makan di Restoran Senandung Rindu. Berapakah jumlah yang perlu mereka bayar?
- A RM 15.75
 - B RM 21.00
 - C RM 25.00
 - D RM 25.25
- 34 Rangkai kata **selagi termampu** dalam petikan bermaksud
- A masih hendak makan
 - B untuk bawa pulang
 - C masih boleh makan
 - D selama sanggup
- 35 Manakah pernyataan yang benar tentang petikan.
- A Harga minuman tidak termasuk dalam harga tawaran.
 - B Semua restoran ada menyajikan pelbagai jenis nasi.
 - C Hanya Restoran Bonda menjual pelbagai jenis mi.
 - D Promosi ini diadakan selama 31 hari.

Soalan 36 – 40

Baca syarahan di bawah ini, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

Tuan Pengerusi Majlis yang budiman, barisan hakim yang arif lagi bijaksana, guru besar, guru-guru, serta rakan-rakan yang dihormati. Tajuk syarahan saya pada hari ini ialah, “Kepentingan Menjaga Kebersihan dan Keindahan Sekolah”.

Hadirin yang dihormati,

Sudah menjadi lumrah kebanyakan orang suka akan kebersihan dan keindahan. Di sekolah, kebersihan dan keindahan mampu mewujudkan perasaan cinta dan sayang pelajar terhadap sekolah.. Keadaan ini mampu menarik minat pelajar untuk hadir ke sekolah..

Bagi mewujudkan persekitaran sekolah yang indah dan bersih, pelbagai langkah boleh dilakukan. Misalnya, menjalankan pertandingan kebersihan kelas dan menganugerahkan piala pusingan kepada kelas yang menang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Di luar bilik darjah pula, taman-taman bunga boleh dibina untuk menghiasi persekitaran sekolah. Kelab dan persatuan yang terdapat di sekolah diberi tanggungjawab untuk menceriakan kawasan sekolah bersama-sama. Secara tidak langsung, semangat kekitaan dan perpaduan dapat dijalin dalam kalangan warga sekolah.

Mencintai kebersihan dan keindahan, merupakan satu **petanda** baik ke arah mewujudkan masyarakat yang mencintai alam sekitar. Sikap ini boleh diterapkan bukan sahaja di sekolah malah di mana-mana sahaja kita berada. Ini dapat melahirkan generasi yang tahu menjaga kebersihan dan keindahan seterusnya menghargai alam ini.

Sekian, terima kasih.

36 Siapakah yang menyampaikan syarahan ini ?

- A Guru
- B Pelajar
- C Guru Besar
- D Pengerusi Majlis

37 Kebersihan dan keindahan sekolah boleh

- A mewujudkan perasaan cinta antara pelajar.
- B menimbulkan rasa suka sesama sendiri.
- C melahirkan rasa sayang pada guru.
- D menarik minat pelajar ke sekolah.

- 38 Kata '**petanda**' dalam petikan bermaksud
- A hala tuju
 - B haluan
 - C alamat
 - D arah
- 39 Mengapakah semua warga sekolah patut dilibatkan dengan aktiviti membersih dan menceriakan sekolah?
- A Untuk mengeratkan hubungan
 - B Bekerja bersama-sama setiap masa.
 - C Mencerminkan masyarakat sekolah
 - D Bersatu membentuk satu kumpulan
- 40 Semua yang berikut merupakan langkah-langkah untuk menceriakan kawasan sekolah **kecuali**
- A pembinaan taman-taman bunga.
 - B mengadakan pertandingan kebersihan kelas.
 - C penganugerahan piala pusingan kepada murid.
 - D kelab dan persatuan turut sama bertanggungjawab.

KERTAS SOALAN TAMAT